



JANUARI 16 -31, 2021

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Warta kawasan tadahan air

## Pulau Pinang antara negeri terawal

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **JABATAN PERHUTANAN NEGERI & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewartakan seluas 3,565 hektar atau 70 peratus Hutan Simpanan Kekal sebagai kawasan Hutan Tadahan Air sejak tahun 2004.

Malah menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Pulau Pinang merupakan antara negeri terawal yang mewartakan kawasan tadahan air di bawah Enakmen Pembekalan Air (EPA) Negeri 1998 meliputi kawasan Hutan Simpanan Kekal pada tahun yang sama.

"Isu berhubung dengan akta pewartaan dibangkitkan semula menjelang mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-75 pada Ogos 2019 yang mana kawasan tadahan air juga perlu diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

"Justeru, saya sendiri telah mempengerusikan mesyuarat khas berhubung perkara ini pada 30 September 2019 dan serentak itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah memperincikan semula maklumat berkaitan termasuk kawasan Bukit Bendera.

"Perkara itu kemudian dibentangkan pada mesyuarat Exco pada 2 Disember 2020 dan Kerajaan Negeri tidak mempunyai halangan untuk mewartakan Hutan Simpanan Kekal sebagai Hutan Tadahan Air di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

"Malah, Kerajaan Negeri juga bersetuju meluluskan seluas 3,790.54 hektar Hutan Simpanan Kekal untuk diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air di bawah seksyen 10(1)(e) akta yang sama.

"Jumlah ini menunjukkan pertambahan sebanyak lima peratus yang turut merangkumi Hutan Simpanan Kekal lain yang tidak diwartakan di bawah EPA 1998 pada tahun 2004," katanya pada sidang media di sini 17 Disember lalu.

Turut hadir pada sidang media berkenaan ialah Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin serta Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Muhammad Ezhar Yusuf.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang kini dalam proses membuat pewartaan dan dijangka selesai disiar warta pada Jun 2021.

"Jelas di sini bahawa Kerajaan Negeri tidak berlindung dan menyembunyikan sebarang fakta, malah bersetuju untuk menambah keluasan hutan tadahan air sedia ada.

"Isu yang timbul adalah pewartaan di bawah perundangan yang berbeza namun kedua-dua perundangan tersebut mempunyai tujuan sama iaitu mewujudkan serta memelihara kawasan tadahan air untuk menjamin bekalan air," ujarnya.

Beliau dalam pada itu turut menegaskan bahawa selain mewartakan kawasan tadahan air, Pulau Pinang juga merupakan negeri yang tidak mengamalkan kaedah pembalakan kawasan Hutan Simpanan Kekal.

"Kali terakhir aktiviti pembalakan dilaksanakan adalah pada tahun 1972 dan ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang memberi perhatian yang serius terhadap isu ini," tegasnya.

Dalam pada itu, Muhammad Ezhar menjelaskan secara prinsipnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang telahpun melindungi kawasan tadahan air tetapi di bawah perundangan yang berbeza.

"Ini bermakna Pulau Pinang hanya akan mewartakan semula kawasan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara," jelasnya.

### Antara Hutan Simpanan Kekal Negeri:


HUTAN Pelajaran Air Hitam Dalam.


KEHIJAUAN memukau di Hutan Lipur Cherok To'Kun.


KEKAYAAN flora di Taman Rimba Bukit Mertajam.

# ‘Gerobok Rezeki’ bantu golongan terjejas

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAINPP) mengambil inisiatif mengadakan Program Pelancaran Gerobok Rezeki Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 bagi Masjid Negeri dan masjid-masjid daerah.

Matlamat utama program ‘Gerobok Rezeki’ berkaitan adalah khas untuk golongan yang terkesan daripada segi pendapatan rentetan pelaksanaan PKP.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ketika ditemui berkata bahawa melalui program tersebut, masjid-masjid terlibat akan membeli barangan keperluan harian untuk diletakkan di masjid.

“Sebagai permulaan, sebanyak RM120,000 disalurkan untuk enam masjid utama (RM20,000 setiap masjid) membabitkan Masjid Negeri dan lima masjid di setiap daerah.




IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (lima dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan jemputan dan pihak-pihak berkaitan pada Program Pelancaran Gerobok Rezeki Pasca PKP COVID-19 di sini baru-baru ini.

“Tujuannya adalah bagi meringankan bebanan mereka yang terjejas, jadi golongan berkaitan boleh datang ke masjid-masjid ini dan ambil sendiri makanan keperluan disediakan.

“Sebenarnya, program seumpama ini telah dimulakan di masjid-masjid lain walaupun sebelum COVID-19 lagi, tetapi kita usahakan juga kini melalui badan kerajaan,” ujarnya ketika hadir menyempurnakan pelancaran program tersebut di Masjid Negeri dekat sini 11 Disember 2020.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Abdul Razak Jaafar; Pengarah JHEAINPP, Mohd. Zakuan Zakaria dan Imam Besar Masjid Negeri, Mohd. Nordin Samah.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti mengalu-alukan penyertaan orang ramai melalui sumbangan derma bagi mengurangkan bebanan keluarga-keluarga terkesan melalui pelaksanaan program tersebut.

# Kampung Terus juara Anugerah MPKK Terbaik 2020

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Terus muncul sebagai juara Anugerah MPKK Terbaik Negeri Pulau Pinang Tahun 2020, dengan membawa pulang geran bernilai RM30,000.

Naib juara adalah MPKK Kampung Melayu dengan membawa pulang geran RM10,000, diikuti MPKK Pokok Sena sebagai tempat ketiga (RM5,000).

Tempat keempat pula adalah MPKK Simpang Empat, manakala, MPKK Sungai Duri di tempat kelima. Masing-masing membawa pulang saguhati RM500.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dengan diiringi Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti menyempurnakan majlis penyampaian hadiah berupa cek replika serta sijil penyertaan kepada barisan pemenang.

Kon Yeow semasa berucap antara lain menyatakan bahawa pentadbirannya komited memperkasakan peranan 375 MPKK negeri dengan memperuntukkan RM9 juta untuk pembayaran elaun bagi tahun Belanjawan 2021.

“Saya sedar bahawa MPKK juga merupakan anggota barisan hadapan bagi mewakili Kerajaan Negeri berhadapan dengan masalah rakyat.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk menyediakan peruntukan bayaran elaun MPKK setiap tahun,” jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi dalam majlis anugerah yang dilangsungkan di sini pada 17 Disember 2020.

Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Abdul Razak Jaafar antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir pada majlis tersebut.

Sementara itu, Pengerusi MPKK Kampung Terus, Baharuddin Abdullah, 47, yang ditemui kemudian merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas penganjuran majlis anugerah tersebut.

“Ini merupakan kejayaan bersama kali kedua bagi MPKK Kampung Terus, selepas kami mendapat pengiktirafan sulung iaitu Anugerah Malaysia Landscape Architecture Award (MLAA) 2019 di peringkat Kebangsaan,” ujarnya.

Menurut Baharuddin, MPKK Kampung Terus baru kali kedua tahun ditubuhkan, dan sama sekali tidak menyangka akan dipilih sebagai juara Anugerah MPKK Terbaik Pulau Pinang bagi tahun 2020.

Difahamkan, Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang 2018/2019 merupakan antara acara yang melonjak nama MPKK di peringkat kebangsaan sebelum ini.

“Walaupun semasa COVID-19, kita (MPKK Kampung Terus) menganjurkan ‘Santai Pagi Terus’ iaitu pada setiap pagi Ahad untuk komuniti lokal berjalan merentasi kawasan bendang sepanjang 5 hingga 10 kilometer, dengan disediakan sarapan percuma.

“Alhamdulillah, dengan mengikut SOP (prosedur operasi standard) yang ada, kita berjaya memperkasa komuniti kampung tidak kira orang muda atau warga emas untuk menyertai program ini.

“Dengan geran RM30,000, MPKK berharap program memperkasa komuniti kampung, termasuk mengangkat produk-produk ekonomi lokal, boleh dilaksanakan pada tahun depan (2021) seperti yang dirancang,” ulasnya.




DR. Norlela Ariffin (dua dari kanan) merakam gambar bersama-sama Baharuddin Abdullah (tiga dari kiri) dan pasukannya selepas menjuarai Anugerah MPKK Terbaik Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 di sini baru-baru ini.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Kaji Sungai Perai sebagai alternatif sumber bekalan air mentah

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang melihat potensi Sungai Perai sebagai sumber alternatif bekalan air mentah bagi memenuhi keperluan rakyat di negeri ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa perkara tersebut kini masih dalam peringkat kajian dan dijangka siap pada penghujung Januari 2021.

Menurut beliau, walaupun kapasiti air Sungai Perai tidak mampu memenuhi keperluan rakyat di negeri ini secara keseluruhannya namun ia mampu menjadi sumber bekalan air mentah tambahan bagi Pulau Pinang pada masa akan datang.

"Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) merupakan syarikat pengurusan air terbaik di Malaysia yang sentiasa melihat cabaran pada masa depan.

"Kita ada cabaran besar kerana dengan kelangsungan pembangunan ia secara tidak langsung akan meningkatkan permintaan air, justeru, Pulau Pinang memerlukan air terawat yang sentiasa mencukupi.



KETUA Menteri diberi taklimat berhubung Sungai Perai bersempena lawatan khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

"Paling mencabar adalah walaupun kita (Pulau Pinang) mempunyai sistem rawatan air melebihi kapasiti tetapi jika tidak ada bekalan air mentah untuk dirawat, maka ini akan memaksa PBAPP melihat pelan jangka panjang untuk mencari sumber lain selain Sungai Muda," ucapnya pada program lawatan ke persisiran Sungai Perai di sini 13 Disember 2020.

Hadir sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) angkat bagi kawasan Seberang Jaya, Nurul Izzah Anwar; Pengerusi Persatuan Riadah dan Rekreasi Air Seberang Jaya, Suhaimi Awang serta beberapa wakil Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk mendapatkan persetujuan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bagi projek Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) sebagai pilihan kedua sumber bekalan air mentah selain Sungai Muda.

"Melalui projek ini, sumber air mentah dari Perak akan disalurkan melalui terowong sehingga masuk ke Pulau Pinang dan di situlah kita (Pulau Pinang) akan membina logi rawatan bagi memastikan bekalan air mencukupi pada masa depan.

"(Dan) sekiranya kedua-dua projek berkenaan gagal, maka kita perlu melakukan penyahgaraman air laut tetapi kosnya adalah amat tinggi berbanding rawatan air biasa," ujarnya.

Dalam pada itu, Nurul Izzah dalam ucapannya sebelum itu berharap agar Pihak Persatuan Riadah dan Rekreasi Air Seberang Jaya dapat menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri demi manfaat semua pihak.

"Ini bukan hanya isu pelancongan semata-mata tetapi juga berkaitan dengan bagaimana untuk memberi nilai tambah kepada semua pihak di kawasan ini," ulasnya.



PANORAMA menarik Sungai Perai.

# MAINPP agih hasil wakaf

**GEORGE TOWN -** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menyerahkan agihan hasil wakaf berjumlah RM1.6 juta kepada 75 penerima.

Mengulas lanjut, Yang Dipertuanya, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Timbalan Ketua Menteri I berkata bahawa pentadbirannya akan terus mencari jalan untuk mengkayakan manfaat daripada tanah dan hartanah wakaf demi memakmurkan kualiti umat Islam di Pulau Pinang.

"Masih banyak tanah wakaf belum dapat kita majukan disebabkan pelbagai kekangan serta halangan.

"Namun, InsyaAllah menerusi agensi Kerajaan Negeri iaitu Wakaf Pulau Pinang, kita akan cuba membangunkan tanah dan hartanah wakaf, sekaligus membawa pulangan hasil kepada para penerima wakaf am serta wakaf khas," jelasnya dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Hasil Wakaf MAINPP dekat dewan solat utama Masjid Kapitan Keling di sini pada 25 Disember 2020.

Turut serta, Pengurus Besar Wakaf Pulau Pinang, Rosidi Hussain; Pengurus Baitul Mal MAINPP, Huzaimi Ghazali dan Pengerusi Kariah Masjid Kapitan Keling, Dato' Meera Mydin Mastan.

Di samping itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti turut menyeru umat Islam untuk menjayakan program baharu Wakaf Pulau Pinang, iaitu 'wakaf tunai'.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan hasil wakaf kepada pihak-pihak berkaitan pada Majlis Penyerahan Sumbangan Hasil Wakaf MAINPP di sini baru-baru ini.

Difahamkan, daripada 75 penerima wakaf, 22 pihak adalah di bawah kategori penerima wakaf khas, sementara baki 53, penerima wakaf am.

Secara berperingkat, Ahmad Zakiyuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal akan membuat serahan hasil wakaf kepada 49 pihak masjid, 14 institusi pendidikan, sembilan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan tiga surau.

## Perumahan mampu milik, kerjasama semua pihak demi rakyat

**SERI DELIMA -** Empat projek rumah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang sedang dan bakal dibangunkan di negeri ini dijangka dapat membantu Kerajaan Negeri mencapai sasaran perumahan mampu milik menjelang tahun 2030.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sasaran tersebut tidak akan dicapai tanpa adanya kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Kerajaan Persekutuan serta pihak pemaju perumahan.

"Harap apa yang ditetapkan sebagai sasaran di bawah Visi Penang2030 iaitu menyediakan 220,000 unit rumah mampu milik (RMM) pelbagai kategori dan pelbagai harga dapat dicapai dengan kerjasama semua pihak.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, usaha memenuhi keperluan perumahan mampu milik di Pulau Pinang ditetapkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dicapai menjelang tahun 2030.

"Justeru, adalah diharapkan agar Kerajaan Persekutuan dapat terus bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menjayakan agenda ini demi rakyat keseluruhannya," ucapnya pada majlis pecah tanah bagi pembinaan projek rumah PR1MA Residensi Bukit Gelugor di sini 27 Disember 2020.

Turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syeerlena Abdul Rashid dan Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang, Saadon Moktar; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia, Datuk Mohd. Nazri Md. Shariff serta Pengerusi Eksekutif Ideal Property Group, Datuk Alex Ooi turut hadir.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa projek rumah PR1MA Residensi Bukit Gelugor bakal menyediakan 2,850 unit rumah mampu milik berukuran 850 kaki persegi kepada rakyat di negeri ini.

Malah, menurut beliau, projek berkenaan merupakan projek rumah PR1MA pertama dilancarkan KPKT di negara ini semasa penularan pandemik COVID-19.

"Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri komited membantu menyegerakan proses pertimbangan dan kelulusan serta proses kebenaran merancang bagi projek PR1MA selagi mana ia mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

"Saya percaya projek ini akan dapat disiapkan dengan jayanya demi rakyat terbanyak," ujarnya.

Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah dimaklumkan secara rasmi terdapat empat projek PR1MA di negeri ini dalam peringkat perancangan dan peringkat awal pembinaan termasuk dua projek di kawasan Bukit Gelugor.

"Dua lagi tanah yang bakal dibangunkan PR1MA adalah di kawasan Batu Ferringhi serta Seberang Perai dan akan dimajukan selepas isu berkaitan tanah di situ diselesaikan," ulasnya.

Dalam pada itu, Zuraida memaklumkan bahawa Residensi Bukit Gelugor merupakan projek PR1MA model baru yang pertama dilaksanakan di negara ini iaitu melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan pihak pemaju *(Ideal Property Group)*.

"Projek ini menyediakan 2,850 unit dengan pelbagai peringkat harga untuk memenuhi permintaan daripada kategori pendapatan berbeza dengan fasiliti kelas pertama seperti kolam renang, dewan serta sebagainya.

"Ini merupakan model baru yang dibuat PR1MA kerana mendapati model lama dilihat kurang mampan dan tidak dapat dilaksanakan kerana memerlukan pelaburan yang tinggi daripada kerajaan.

"Dan, kita harap dengan projek ini ia dapat membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencapai sasaran pemilikan rumah mampu milik oleh rakyat di negeri ini," katanya.

Tambah Zuraida, selain projek di Bukit Gelugor, dua lagi projek PR1MA di negeri ini iaitu di Batu Ferringhi dan Permatang Pauh juga akan dibangunkan menggunakan model perniagaan sama.

Difahamkan, projek Residensi Bukit Gelugor bakal melibatkan pembinaan sejumlah 2,850 unit RMM di atas dua lot tanah iaitu Lot 3362 (Plot B) dan Lot 3363 (Plot C).

Projek berkaitan telah bermula pada Disember 2020 dan dianggarkan siap pada suku ketiga tahun 2024.

# PFF, bantu pelajar lakar kecemerlangan



MUHAMMAD Naqib Tasdiq Ahmad Adli (tengah) yang merupakan salah seorang penerima biasiswa *Penang Future Foundation* menerima dokumen berkaitan daripada Ketua Menteri pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Sejumlah RM3.4 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi program biasiswa, *Penang Future Foundation* (PFF) kepada 74 pelajar layak bagi tahun 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pemilihan penerima dilakukan pada September 2020 dengan jumlah penerima tertinggi adalah daripada bidang kejuruteraan diikuti bidang berkaitan teknologi serta perakaunan dan kewangan.

"Penerima juga dipilih daripada latar belakang pendidikan yang berbeza iaitu sijil matrikulasi seramai 23 pelajar, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (20); diploma (20), program asasi (10) dan *A-Level* (1).

"(Dan) tahun ini merupakan tahun keenam PFF diperkenalkan yang mana seramai 585 pelajar telah menerima manfaat hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan," ujarnya pada sidang media di sini 18 Disember 2020.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari dan Ahli Jawatankuasa Pemilihan PFF, Datuk Seri Nazir Ariff.

Menurut Kon Yeow, daripada 74 penerima, seramai 58 pelajar layak menerima biasiswa di bawah kategori *Penang Scholar* manakala 16 yang lain menerima *Mutiara Scholar*.

"Seramai 47 pelajar bakal melanjutkan pengajian ke peringkat universiti awam dan universiti swasta (27).

"Umumnya, pemberian biasiswa ini akan dapat membantu penerima untuk terus melakar kecemerlangan dalam bidang yang mereka ceburi. Justeru, saya berharap anda (penerima) akan menjadi insan yang berjaya memimpin masa hadapan terutama dalam pembangunan modal insan di negeri ini," serunya sambil menzahirkan penghargaan atas kejayaan semua penerima.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian yang merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Pemilihan PFF memaklumkan bahawa program biasiswa adalah sebahagian usaha Kerajaan Negeri dalam melahirkan kumpulan modal insan bagi memenuhi keperluan industri sekaligus menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi negeri.

"Tahun ini (2020), kami memberi peluang kepada pemohon daripada latar belakang bidang pengajian kejuruteraan; teknologi maklumat, perakaunan dan kewangan memandangkan jumlah permohonan yang tinggi dalam bidang-bidang tersebut.

"Salah satu daripada syarat yang ditetapkan kepada penerima adalah mereka mesti bekerja di Pulau Pinang, dan ia bergantung terhadap bidang pengkhususan pengajian, serta tidak semestinya bekerja di sektor awam tetapi boleh bekerja untuk mana-mana entiti, organisasi mahupun kilang,' katanya yang turut hadir pada sidang media berkaitan di sini.

Terdahulu, lima penerima biasiswa PFF dipilih untuk hadir ke Komtar sebagai simbolik penerimaan. Mereka ialah Muhammad Naqib Tasdiq Ahmad Adli, pelajar kejuruteraan mekanikal; Ooi Kean Hong (sains komputer); S. Hanu Shree (sains komputer); A. Joshua (fizik) dan Venessa Koay Wei Li (teknologi maklumat).



# Enam atlet terima insentif PACE

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Seramai enam atlet negeri yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dipilih sebagai perintis untuk menerima insentif pendidikan daripada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) di bawah program *Penang Athlete Career Education* (PACE).

Mereka ialah M. Khambeswaran (atlet memanah); Mohd. Daniel Rusydi Zainuddin (tenpin bowling); Mohamad Hafiz Halim (pencak silat); Muhammad Hazwan Abd. Wahab (angkat berat); Khairul Nizam Saad (pencak silat) dan Shahaiqal Abdullah (pencak silat).

Terdahulu dalam sesi sidang media yang berlangsung, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyambut baik segala bentuk usaha dalam merealisasikan program tersebut.

"Insentif yang dilancarkan oleh MSNPP pada 1 Ogos 2020 merupakan inisiatif khas dalam membantu para atlet negeri untuk berjaya dalam bidang pendidikan, kerjaya serta hal ehwal kebajikan (atlet) selain bersukan.

"Di bawah program PACE, terdapat tiga teras utama iaitu menyediakan platform pendidikan untuk memberi peluang kepada para atlet melanjutkan pelajaran ke menara gading; membina laluan kerjaya kepada atlet dan bekas atlet untuk diserap ke sektor awam ataupun swasta dan memastikan kebajikan para atlet terpelihara setiap masa," ujarnya di sini pada 18 Disember 2020.

Menurut Kon Yeow, insentif berkaitan merupakan permulaan yang baik kepada para atlet di negeri ini.

"Semoga ia menjadi pemangkin kepada lebih ramai atlet negeri yang berdaya saing dan berprestasi tinggi untuk berjaya dalam pendidikan tanpa mengetepikan masa depan dan bidang sukan yang diceburi," katanya.




**KETUA Menteri sambil diiringi Soon Lip Chee (kanan sekali) dan Harry Chai Heng Hua (kiri sekali) menyerahkan dokumen program PACE kepada Muhammad Hazwan Abd. Wahab (dua dari kiri) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Dalam sidang media sama, Kon Yeow menzahirkan penghargaan kepada pelbagai agensi korporat yang juga menyokong pelaksanaan program PACE berkaitan.

"Antaranya adalah Syarikat UWC Berhad yang menyumbang RM50,000 kepada MSNPP; Syarikat Hunza Properties Berhad (RM50,000); Syarikat Dee Noon Corporation Sdn. Bhd. (RM50,000); Syarikat Menara Kerjaya Fasteners Sdn. Bhd. (RM25,000); Syarikat Hotayi Electronic (M) Sdn. Bhd. (RM25,000) dan Syarikat Only World Group Holdings Berhad (RM30,000).

"Saya berharap usaha ini akan menjadi ikutan kepada syarikat-syarikat korporat lain dalam membantu kecemerlangan sukan negeri," zahirnya.

Dalam pada itu, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee memberitahu bahawa pemilihan atlet sebagai penerima insentif PACE dibuat berdasarkan kelayakan serta syarat-syarat yang ditetapkan.

"Antaranya, atlet perlu aktif dalam program anjuran MSNPP; menyertai Sukan Malaysia (SUKMA); berusia 23 tahun dan ke bawah; bekas atlet dalam tempoh dua tahun selepas kejohanan serta perlu menyertai kejohanan sukan sama ada di peringkat SUKMA, kebangsaan atau setaraf dengannya.

"Di bawah program PACE ini juga, enam jenis bantuan kewangan diberikan kepada atlet berkelayakan termasuk Bantuan Insentif Pendidikan IPT yang dibayar secara *one-off*; Bantuan Biasiswa Sukan (sepanjang pengajian); Bantuan Khairat Kematian Atlet *(one-off)*; Bantuan Rawatan Penyakit *(one-off)*; Bantuan Kos Pembedahan *(one-off)* dan Bantuan Bencana Alam *(one-off)*.

"Bagi Bantuan Insentif Pendidikan IPT, bantuan diberikan kepada atlet yang mengikuti program pendidikan seperti Sijil Kemahiran; Pra Diploma; Diploma serta Ijazah Sarjana Muda sepenuh masa," jelasnya.

Tambah Lip Chee, bagi atlet Pulau Pinang yang masih aktif dan berada dalam skuad kebangsaan atau yang telah bersara mewakili Malaysia, bantuan kewangan akan terus disalurkan oleh Sekretariat Kerjaya dan Pendidikan Atlet Malaysia (MACE) atau Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB).

"Justeru, sumbangan kewangan atau tajaan daripada syarikat dan badan korporat adalah amat dialu-alukan bagi membantu para atlet di negeri ini," katanya sejurus penyampaian penghargaan kepada syarikat-syarikat korporat berkaitan di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari; Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengurusan MSNPP dan penaja.

## Petugas barisan hadapan terima tawaran rumah mampu milik

**GEORGE TOWN –** Seramai 90 orang petugas barisan hadapan daripada pelbagai agensi kerajaan di negeri ini menerima surat tawaran pemilikan rumah mampu milik (RMM) daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa daripada jumlah itu, seramai 33 penerima adalah petugas Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP (8) dan lain-lain agensi (49).

“Tawaran ini diberikan sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri kepada wira-wira barisan hadapan di negeri ini termasuk MBPP, MBSP, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta lain-lain.

“Kerajaan Negeri sentiasa memberikan keutamaan pemilikan rumah mampu milik termasuk rumah kos rendah dan kos sederhana rendah kepada kakitangan awam serta pasukan barisan hadapan terutamanya pada musim pandemik COVID-19 ini,” katanya pada sidang media dekat Dewan Bandaraya di sini 18 Disember 2020.

Turut hadir, Datuk Bandar MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang; Datuk Bandar MBSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud; Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan




**JAGDEEP Singh Deo dan barisan jemputan serta para penerima merakam gambar kenangan sejurus majlis penerimaan surat tawaran pemilikan rumah mampu milik daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Mohd. Razali serta Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, ‘Ainul Fadhilah Samsudi.

Tambah Jagdeep, sebanyak 55,905 permohonan rumah mampu milik telah dipilih oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Khas Pemilihan sejak tahun 2013, dan daripada jumlah itu seramai 6,695 pemohon adalah kakitangan awam.

“Jawatankuasa yang ditubuhkan sejak November 2013 ini telah bersidang sebanyak 60 kali untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja akan dipilih kerana rumah mampu milik di Pulau Pinang adalah terhad,” ujarnya.

Difahamkan, sehingga kini Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan 106,742 unit rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah mampu milik yang mana 34,388 unit telah siap dibina, sedang dibina (20,180) dan diluluskan untuk dibina (52,174).

Pembantu Operasi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, **SOBRI AHMAD**, 58, ketika



**SOBRI Ahmad.**

ditemui meluahkan rasa syukur dan gembira kerana dipilih sebagai salah seorang penerima tawaran bagi projek perumahan mampu milik Kerajaan Negeri.

“Saya tinggal di rumah sewa lebih 10 tahun dan sudah tentulah saya rasa sangat gembira apabila mendapat peluang untuk memiliki rumah sendiri,” katanya yang merupakan bapa kepada tiga cahaya mata.

‘Wira Oren’ MBSP, **NAZRI ISMAIL**, 42, pula berkata bahawa impian untuk memiliki rumah akhirnya tercapai selepas beberapa kali membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri sebelum ini.

“Sekarang saya bersama-sama isteri dan tiga orang anak tinggal bersama ibu bapa saya di Penanti, justeru saya amat bersyukur kerana



**NAZRI Ismail.**

dipilih menerima tawaran rumah mampu milik ini,” ujarnya ketika ditemui.

Nada sama turut disuarakan oleh **MUHAMMAD RIDHWAN YAHAYA**, 30, yang merupakan petugas MBPP.

“Saya memohon untuk mendapatkan rumah mampu milik ini sebelum saya mendirikan rumah tangga lagi, dan hari ini saya berasa amat gembira kerana diberi peluang ini,” ujarnya.



**MUHAMMAD Ridhwan Yahaya.**



PERSEKITARAN ladang ternakan.



LEE Soon Seng.

# Ternak lembu susu, pengalaman baru janji kepuasan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

"KALAU berhasrat membela lembu, seseorang perlu lebih rajin" merupakan ungkapan pembuka bicara seorang penternak lembu susu di Balik Pulau, **LEE SOON SENG** yang menerima kunjungan Buletin Mutiara pada 27 November 2020.

Berdasarkan pengalaman membela ayam, khinzir dan belajar daripada penternak lain, Soon Seng kini boleh berbangga dengan 18 ekor lembu yang dimiliki beliau selepas hampir lima bulan menyelami bidang tersebut.

"Sebelum bela lembu, kita kena tanam rumput dahulu, rumput terbaik adalah jenis napier kerana ia sesuai dengan lembu susu.

"Saya mula menanam rumput tersebut tiga bulan sebelum mengembala lembu bagi memudahkan penghasilan makanan ternakan.

"Pada setiap hari, seekor lembu susu perlu dibekalkan dengan kira-kira 30 kilogram (kg) rumput untuk dimakan, dan sebelum itu rumput perlu dikisar halus sebelum diberikan kepada lembu," ujarnya yang menjalankan ternakan di Kampung Paya Kongsi.

Mengulas lanjut, Soon Seng menyatakan bahawa bidang berkaitan amat menitikberatkan soal kebersihan.

"Kerja-kerja pembersihan perlu dilakukan dengan kerap agar lalat tidak banyak di kawasan ternakan.

"Di sini, ramai (pengunjung) yang puji, lalat cuma berada pada tahap minimum, datang sini pun bau tidak berapa busuk, kebersihan memang kena jaga dan itulah yang kita kena rajin khasnya untuk hasilkan susu berkualiti," jelasnya yang mana ladang beliau sebelum ini pernah menerima kunjungan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Menyentuh mengenai hasil susu, Soon Seng memaklumkan bahawa seekor lembu mampu menghasilkan tiga hingga lapan kilogram (kg) susu untuk sekali proses perahan.

"Bela lembu susu ini tidak boleh main-main, keseluruhannya, saya perlukan 14 bulan untuk aspek persiapan sahaja.

"Mengenai kesihatan ternakan juga perlu belajar dan tahu, waktu mengawan serta lain-lain.

"Justeru, semasa lembu bunting, lembu perlu diberi lebih perhatian kerana pada tempoh masa tersebut, ia tidak lalu makan sehingga membantutkan penghasilan susu," ulasnya ketika menyentuh mengenai aspek cabaran dalam bidang berkenaan.

"Hasil susu setakat ini dijual di kawasan Balik Pulau, saya seorang sahaja di kawasan ini, pasaran pun kecil sahaja.

"Bagi memudahkan proses jualan, saya mengambil inisiatif menyediakan pusat penyimpanan susu di sini, yang mana apabila susu diperah, ianya akan dipanaskan beberapa jam supaya lebih bersih serta berkualiti.

"Susu yang diperah mampu bertahan kira-kira seminggu sekiranya disimpan di tempat sejuk, kalau sejuk beku, tempoh tahan adalah lebih lama," ulasnya yang turut memperoleh beberapa panduan daripada pihak Jabatan Veterinar (Pulau Pinang).

Sebelum mengakhiri wawancara tersebut, Soon Seng berharap agar badan-badan kerajaan berkaitan dapat membantu beliau daripada segi modal untuk membeli lembu.

"Kalau boleh memang sasar nak bela kira-kira 100 ekor lembu dan luaskan pasaran susu ini," katanya.



RUMPUT napier dikisar halus sebelum diberikan kepada lembu.



SUSU yang dibotolkan.



LADANG ternakan yang diusahakan di Kampung Paya Kongsi, Balik Pulau.




CHEOK Lay Ling menunjukkan naskhah penerbitan berkaitan Bukit Bendera.

# Transformasi 10 tahun, Bukit Bendera terus gah

**BUKIT** Bendera atau nama asalnya ketika zaman penjajah British sebagai *Flagstaff Hill* berada pada ketinggian kira-kira 823 meter (m) dari aras laut, selain jaraknya kira-kira 10 kilometer (km) dari pusat bandar raya George Town.

Bukit Bendera menempatkan pelbagai catatan sejarah, khususnya pada era penjajahan British, apabila ia muncul sebagai antara lokasi penting dalam pentadbiran sebelum kemerdekaan, malah juga merupakan kawasan peranginan pertama dan tertua di negara ini dengan menempatkan 37 banglo warisan gah di lereng bukit.

Alaf bersilih ganti, sesuai dengan jolokan kawasan peranginan bukit tinggi terkemuka di dalam serta luar negara, Bukit Bendera dalam tempoh 10 tahun lalu pesat melalui pelbagai transformasi.

Wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan jurugambar **LAW SUUN TING** cuba mendekati Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC), **DATO' CHEOK LAY LENG** baru-baru ini bagi berkongsi cerita di sebalik kejayaan tersebut.

Memula bicara, Lay Leng berkata 'jika anda tidak pernah ke Bukit Bendera sebenarnya anda tidak pernah datang ke Pulau Pinang' begitulah signifikannya Bukit Bendera diumpamakan seperti denyut nadi kepada sektor pelancongan 'Pulau Mutiara' ini.

"Bukit Bendera sebenarnya sangat unik, ia sarat dan kaya dengan sejarahnya tersendiri, buktinya anda dapat melihat beberapa banglo dari era arkitektual kolonel di pinggiran bukit, setiap banglo mempunyai catatan sejarahnya tersendiri.

"Di sini terdapat 37 banglo yang berstatus bangunan warisan termasuk bangunan yang kini dijadikan sebagai Balai Polis Bukit Bendera.

"Selain sejarah, pengunjung yang datang dapat menikmati alam semula jadi dengan lebih dekat, ia kaya dengan flora dan fauna serta hutan simpan kekal yang berusia 130 juta tahun…. di sini tidak ada binatang buas, tetapi ia mempunyai keunikannya tersendiri, ia seperti anda pulang ke 'lorong masa' yang mana pengunjung dapat menikmati alam semula jadi sambil menelusuri sejarah.

"Bayangkan apabila menelusuri banglo-banglo kolonel ini seperti anda berada di abad ke-18, zaman pemerintahan British yang mana banglo-banglo ini dahulunya merupakan rumah istirahat pegawai-pegawai British ketika itu," ujarnya sambil menyatakan bahawa kekayaan Bukit Bendera masih dalam kajian daripada segi sains, biodiversiti serta sejarah.

Bukit Bendera dikelilingi oleh puncak bukit lain seperti Bukit Barat, Bukit Laksamana, Bukit Harimau, Bukit Strawberi dan Bukit Kerajaan.

## Transformasi 10 tahun Bukit Bendera

Mengulas lanjut, Lay leng berkata bahawa ulang tahun sambutan ke-10 Bukit Bendera amat signifikan untuk mengingati semua pengorbanan, kejayaan dan tindakan fantastik yang telah dilakukan oleh kumpulan pentadbiran PHC sejak dahulu sehingga membawa Bukit Bendera ke tahap ini.

"Transformasi yang dilakukan sejak 10 tahun ini telah membolehkan Bukit Bendera kini mengecapi status resort peranginan bukit tinggi berkelas dunia, pengiktirafan ini juga disokong oleh kedatangan pengunjung yang saban tahun meningkat dengan ketara iaitu 693,590 pada tahun 2011 kepada 1.865 juta (2019).

"Peningkatan drastik pengunjung ini seharusnya disokong oleh kemudahan infrastruktur yang lengkap demi kemudahan serta keselesaan semua.

"PHC sejak 10 tahun lalu telah melakukan pelbagai transformasi secara berfasa iaitu:

- Fasa 1: penaiktarafan *retractable roof* dan *El-Walk (Elevated Walkway)* di Stesen Bawah bernilai hampir RM3 juta dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2013;
- Fasa 2: penaiktarafan *skywalk, sky lift* dan dek pemantau bernilai RM8 juta dan siap pada tahun 2015;
- Fasa 3: penaiktarafan Stesen Bawah termasuk kawasan menunggu, lot komersial, pejalan kaki, dewan serta sebagainya yang bernilai RM8 juta dan telah siap dua tahun lalu (2018);
- Fasa 4: penaiktarafan Stesen Atas yang dijangka akan dimulakan tahun ini.

"Selain itu, PHC juga giat melakukan pemeliharaan serta pemuliharaan banglo termasuk *Hillside* dan *Edge Cliff* (sedang dilaksanakan) meliputi kerja-kerja pengindahan seperti penanaman pokok dan mengekalkan hutan simpan di sini," maklum beliau.

Sebagai rekod, PHC pada tahun 2019 turut menerima perakuan sijil ISO9001 dan ISO45001.

## Sejarah funikular Bukit Bendera

Berbeza dengan pusat peranginan bukit tinggi lain, di Bukit Bendera perkhidmatan funikular merupakan tarikan utama pengunjung untuk merasai pengalaman berbeza.




**FUNIKULAR 'Pinang' dan 'Mutiara' merupakan funikular generasi ketiga yang digunakan kini. (Gambar Ihsan: PHC)**

Bukit Bendera kini menggunakan funikular generasi ketiga sejak tahun 2011, yang mana perkhidmatan funikular berkenaan mampu menampung sehingga 100 penumpang bagi setiap perjalanan.

Dua buah funikular berwarna putih dan biru yang digelar 'Pinang' dan 'Mutiara' adalah lebih cepat dan selesa.

Sebagai tambahan, landasan funikular juga telah diubah suai menjadi sistem tunggal dengan enjin lebih kuat pada tahun 2010 dan membolehkan funikular berdaya tahan untuk sampai ke Stesen Atas dalam tempoh masa 5 minit, kecuali ia harus membuat hentian di sub stesen di sepanjang perjalanan.

Kemuncak perjalanan adalah ketika dua funikular berkenaan bertemu di Stesen Tengah seolah-olah kelihatan seperti akan bertembung. Biasanya penumpang akan merasa teruja terutamanya golongan kanak-kanak.

Berbeza dengan keretapi generasi kedua berwarna putih merah buatan Switzerland. Funikular ikonik generasi kedua tersebut mampu memuatkan 80 penumpang pada setiap perjalanan, tetapi memerlukan penumpang turun di Stesen Tengah untuk beralih ke gerabak lain jika ingin meneruskan perjalanan ke puncak Bukit Bendera.

Funikular tersebut telah beroperasi lebih dari 30 tahun sebelum ia digantikan dengan funikular baharu pada 22 Februari 2010. Anda boleh melihat gerabak ini dipamerkan di Stesen Tengah dan di trek berhampiran Stesen Moniot.

Manakala, funikular generasi pertama dibuka kepada orang awam pada 1 Januari 1924 dan menurut catatan sejarah, funikular itu telah membawa 35,201 penumpang iaitu sebanyak 4,201 perjalanan.

Funikular generasi pertama Bukit Bendera yang diperbuat daripada kayu sememangnya ikonik dan tetap menjadi kegemaran dalam kalangan mereka yang berpeluang untuk menaikinya. Kabin yang terbuka membolehkan penumpang berasa lebih dekat dengan alam dan menikmati keindahan flora di ketinggian altitud yang berbeza.

Namun, funikular tersebut telah dihentikan operasinya pada tahun 1977. Kepada yang ingin melihat funikular tersebut dengan lebih dekat, ia kini dipamerkan di ruang terbuka di Dataran, Stesen Atas.

## Harapan

Berkongsi harapan dengan Buletin Mutiara, Lay Leng yang mula menerajui PHC pada April 2016 berharap bahawa transformasi yang dilaksanakan mampu melonjakkan lagi kedatangan pengunjung dan pada masa sama menjadi lokasi mesra keluarga serta golongan berkerusi roda (orang kurang upaya, OKU) sebagaimana digagaskan dalam Visi Penang2030 oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa PHC sebaik mungkin juga cuba merealisasikan Bukit Bendera sebagai sebuah lokasi peranginan 'mesra senior' atau warga emas ekoran kawasan muka buminya yang berbukit-bukit.

"Hasil daripada pelbagai transformasi yang dilakukan, ia telah menggamit lebih ramai pengunjung untuk mengadakan lawatan ke sini tanpa perlu kita hadkan jumlah pengunjung.

"Malah, apa yang cuba kita terapkan adalah agar ia sesuai dengan Visi Penang2030 yang digagaskan oleh Ketua Menteri supaya destinasi ini menjadi mesra keluarga, mesra kerusi roda dan juga 'mesra senior'.

"Buat masa ini, Bukit Bendera sememangnya amat mesra keluarga dan kerusi roda, kita telah wujudkan laluan berkerusi roda dari stesen ke dataran dan seterusnya ke *The Habitat*, malah di dalam funikular sendiri terdapat kawasan khas untuk mereka yang berkerusi roda," ulasnya.

Pada 9 Januari 2021, Bukit Bendera secara rasminya menyambut Ulang Tahun Sambutan Ke-10nya. Syabas!



**PANORAMA menghijau Bukit Bendera yang dirakam dari Stesen Bawah.**

# Ahli Majlis MBPP tekad berkhidmat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Seramai tiga muka baharu dilantik sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selama setahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 mengikut Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Mereka ialah Lee Chee How daripada Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang (PCCC); Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed (Liga Muslim Pulau Pinang) dan Lee Kim Noor (Persatuan Pembayar Cukai Pulau Pinang), masing-masing melafaz akuan menerima jawatan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di Dewan Bandaraya, Jalan Padang Kota Lama pada 7 Januari 2021.

Hadir menyaksikan upacara tersebut ialah Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali serta Ketua-ketua Jabatan pihak berkuasa tempatan tersebut.

Terdahulu, Kon Yeow ketika menyampaikan ucaptama menzahirkan penghargaan dan ucapan syabas kepada semua Ahli Majlis yang melafaz akuan menerima jawatan.

Dalam masa sama, beliau turut mengingatkan Ahli-Ahli Majlis yang dilantik supaya memikul tanggungjawab menggerakkan MBPP sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang memimpin sambil berkhidmat kepada rakyat di negeri ini.

"Sering ditekankan bahawa Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara memerlukan penglibatan dan



**KETUA Menteri dan Jagdeep Singh Deo (barisan hadapan, kanan sekali) merakam gambar kenangan bersama-sama pucuk kepimpinan MBPP serta barisan Ahli Majlis PBT berkaitan sejurus selesai lafaz akuan penerimaan jawatan Ahli Majlis MBPP dekat Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.**

penyertaan semua lapisan masyarakat.

"Jawatan (Ahli Majlis) yang disandang ini adalah sangat besar tanggungjawabnya dalam memastikan pembayar cukai memperoleh perkhidmatan terbaik dan mendapat manfaat daripada hasil yang diterima oleh pihak berkuasa tempatan melalui program serta projek yang dirangka bagi menyokong pembangunan negeri Pulau Pinang," katanya pada upacara berkaitan di sini pada 7 Januari lalu.

Menurut Kon Yeow, sejumlah RM382.29 juta disediakan pada tahun 2021 oleh MBPP bagi mendukung aspirasi persekitaran sosioekonomi yang sejahtera dan berdaya saing.

"MBPP sentiasa menitikberatkan keperluan penyediaan kemudahan awam demi keselesaan rakyat, dan Kerajaan Negeri percaya bahawa MBPP akan terus komited untuk mengekalkan serta mempertingkatkan status bandar raya," jelasnya.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara sempat menemu bual beberapa muka-muka baharu dan lama sejurus selesai lafaz akuan menerima jawatan.

Berpegang kepada moto 'berkawan, berjiran dan situasi menang-menang', **DR. SHAHUL HAMEED SYED MOHAMED** yakin bahawa pemilihan dan pelantikannya sebagai Ahli Majlis yang baharu mewakili pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mampu menyelesaikan permasalahan di peringkat akar umbi.

"Bersyukur ke hadrat Ilahi atas pelantikan sebagai Ahli Majlis untuk berkhidmat kepada masyarakat.

"Saya berharap dengan lantikan ini, sebagai wakil NGO dapatlah menjadi perantaraan antara masyarakat dan juga pihak Majlis," katanya ketika ditemui sejurus selesai lafaz akuan penerimaan jawatan di Dewan Bandaraya baru-baru ini.

Dalam pada itu, apabila ditanya mengenai inisiatif Kerajaan Negeri membuka lebih kuota kepada perwakilan NGO, beliau menyambut baik keputusan tersebut.

"Sebelum ini sememangnya hanya dua perwakilan dilantik, tapi tahun ini saya berpandangan bahawa Kerajaan Negeri lebih mesra NGO untuk bekerjasama memandangkan NGO lebih rapat dengan rakyat.

"(Dan) secara tidak langsung kami (NGO) lebih terbuka dalam menerima aduan dan permasalahan rakyat untuk dibawa ke peringkat kerajaan tenmpatan," responsnya yang merupakan Timbalan Presiden Liga Muslim Pulau Pinang.

Seorang lagi Ahli Majlis daripada Persatuan Pembayar Cukai Pulau Pinang, **LEE KIM NOOR** memberitahu bahawa pelantikan sebagai Ahli Majlis MBPP bakal memenuhi impiannya untuk berkhidmat kepada negeri tercinta, Pulau Pinang.

"Sebelum ini, saya pernah berkhidmat di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan pelantikan ini memberi peluang kepada saya mencurah bakti di negeri ini.

"(Dan) sebagai perwakilan persatuan yang mewakili pembayar cukai, pastinya lantikan ini memberi signifikasi yang baik," katanya.

Seorang lagi muka baharu, **LEE CHEE HOW** daripada Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang (PCCC) menyifatkan keterbukaan Kerajaan Negeri menambah kuota perwakilan NGO membuktikan bahawa kemakmuran ekonomi menjadi kunci utama pembangunan negeri.

"Dalam situasi pandemik kini, tanggungjawab (sebagai Ahli Majlis) bukan semata-mata memastikan kemakmuran ekonomi tetapi juga kesejahteraan rakyat yang mana bebanan ditanggung perlu diberi perhatian.

"Lain-lain domain juga penting seperti kesihatan dan keselamatan jadi saya berharap dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik berdasarkan jawatankuasa yang diberikan nanti," ujarnya yang merupakan anak jati Pulau Pinang.

## Sedia berkhidmat untuk masyarakat, ikrar Ahli Majlis MBSP

**SEBERANG JAYA –** Seramai lima muka baru daripada 24 Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang dilantik bagi tahun 2021 mengangkat sumpah penerimaan jawatan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 8 Januari lalu.

Mereka ialah Ng Yee Siang daripada Parti Tindakan Demoktratik (DAP); Teh Chuann Yien (DAP); Norly Masitah Mohamed (Parti Keadilan Rakyat, PKR); Tan Bee Hong (Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia, MPKSM) serta Harryzan Yaakub (Pertubuhan Ikram Malaysia Pulau Pinang).

Kon Yeow dalam ucapan beliau menzahirkan harapan agar semua Ahli Majlis yang dilantik dapat meningkatkan prestasi dan tahap kecekapan masing-masing dalam melaksanakan dasar serta perkhidmatan kepada rakyat.

"Tahniah dan syabas kepada semua 24 Ahli Majlis yang telah terpilih bagi meneruskan perkhidmatan, bersekali dengan pakej amanah dan tanggungjawab bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2021.

"Saya menyeru agar Ahli-ahli Majlis dapat menjalinkan hubungan yang erat dan bekerjasama rapat sebagai satu pasukan lebih kuat dengan MBSP bagi meneruskan dasar serta keputusan Kerajaan Negeri," katanya pada upacara berkenaan dekat Menara Bandaraya MBSP di sini pada 8 Januari lalu.

Dalam pada itu, beliau turut memuji komitmen MBSP melaksanakan pelbagai inisiatif terutamanya ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran penularan pandemik COVID-19 dengan menyediakan lebih 100 perkhidmatan secara atas talian.

Turut dibanggakan, tambah beliau adalah kejayaan MBSP menggariskan Pelan Pasca Pemulihan Ekonomi yang merangkumi 15 pelan pemulihan demi manfaat semua pihak melalui pembentangan Bajet Tahun 2021 berjumlah RM333.22 juta baru-baru ini.

Bagi **NG YEE SIANG**, dua masalah yang bakal diberikan tumpuan iaitu projek pembangunan melibatkan perumahan dan industri di Seberang Perai yang terjejas teruk akibat penularan pandemik COVID-19.

"Seperti yang semua ketahui, sepanjang pandemik COVID-19, sebahagian besar pembangunan dalam sektor-sektor ini tergendala atau ditunda.

"Oleh itu, saya akan berusaha mencari alternatif untuk membantu



**(Dari kiri), HARRYZAN Yaakub, Ng Yee Siang, Tan Bee Hong, Teh Chuann Yien dan Norly Masitah Mohamed merakam gambar kenangan bersama sejurus Upacara Mengangkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MBSP di sini baru-baru ini.**

MBSP dan Kerajaan Negeri berdasarkan kemampuan yang saya ada sebagai Ahli Majlis untuk meningkatkan pembangunan di kedua-dua sektor ini di bahagian Seberang Perai," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara.

Bagi **TAN BEE HONG**, beliau memberitahu bahawa tumpuan kepada aspek pembangunan infrastruktur serta kemudahan untuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU) akan diberikan.

"Sebagai Ahli Majlis yang baru dilantik, fokus utama saya adalah untuk menyediakan lebih banyak kemudahan dan infrastruktur untuk warga emas dan OKU. Contohnya, menyediakan lebih banyak tandas duduk di tempat awam seperti pasar awam, taman rekreasi dan lain-lain," katanya yang juga pengurus akaun di sebuah syarikat swasta.

Turut mengulas, **HARRYZAN YAAKUB** yang berpandangan bahawa beliau perlu belajar lebih banyak perkara mengenai skop tanggungjawab yang diamahkan kini dan akan berusaha sebaik mungkin untuk menjalankan tugas.

"Saya akan berusaha sebaik mungkin untuk mengetengahkan lebih banyak program kebajikan dalam membantu golongan memerlukan di Seberang Perai.

"Saya juga berhasrat mahu mengadakan lebih banyak program kesedaran mengenai COVID-19 agar penduduk di Seberang Perai dapat mengambil langkah berjaga-jaga dan terus berwaspada bagi mengekang penularan virus ini," katanya yang merupakan seorang peguam.

Dalam pada itu, **NORLY MASITAH MOHAMED** menyatakan bahawa beliau akan memfokuskan untuk membantu segelintir penjaja dan peniaga kecil mendapatkan lesen perniagaan.

"Apa yang kita patut lihat adalah apa sebenarnya masalah dihadapai peniaga-peniaga ini yang menyebabkan mereka gagal mendapatkan lesen perniagaan.

"Dari situ baru kita dapat mengambil langkah seterusnya untuk membantu mereka meneruskan kelangsungan perniagaan masing-masing.

"Ini selaras apa yang ditekankan oleh kepimpinan Kerajaan Negeri bahawa selain menekankan elemen bandar pintar, kita juga perlu memberi tumpuan kepada kehidupan rakyat dalam tempoh getir ini," ujarnya.

Menurut **TEH CHUANN YIEN**, pelantikan sebagai Ahli Majlis memerlukan beliau turun padang lebih kerap untuk memahami serta mengenal pasti permasalahan dihadapi oleh komuniti di Seberang Perai.

"Kita akan lihat apa yang perlu diperbaiki dan keperluan-keperluan yang sepatutnya ditambah untuk memenuhi keperluan komuniti," jelasnya.



YEOH Soon Hin (berdiri, berbaju merah) dan pasukan Buletin Mutiara bergambar kenangan bersama-sama barisan jurulatih SUP ketika mencuba sukan berkaitan baru-baru ini.

# SUP, sukan air terbaru bakal popular

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** *Stand up paddleboarding* atau SUP mungkin tidak asing bagi sesetengah pihak, namun di Pulau Pinang sukan air ini masih lagi baru dan belum popular sepenuhnya dalam kalangan komuniti.

Kelihatan seakan-akan kayak tetapi sukan air yang berasal dari Hawaii tersebut berbeza daripada segi cara mengemudi yang mana seorang peluncur perlu berdiri sambil mengendalikan pendayung untuk menggerakkan papan luncur berbentuk rata tanpa ruang duduk khas sebagaimana lazimnya.

Menurut perintis sukan SUP di Pulau Pinang, Tan Kuan Ling, idea memperkenalkan sukan tersebut bermula sejak 2018 apabila Pertandingan Renang Merentas Selat Antarabangsa yang diadakan setiap tahun terpaksa dihentikan kerana masalah obor-obor.

Beliau yang yang juga pengasas kepada *Penang Open Water Swimmer* menjelaskan bahawa sukan air SUP pada awalnya dimulakan bersama-sama dua rakannya sebelum disertai oleh lebih ramai komuniti pada masa kini.

"SUP merupakan sukan air yang selamat serta berpotensi sebagai alternatif untuk mendekatkan komuniti kepada alam semula jadi.

"Selain itu, sukan ini juga dapat memberi pendedahan serta kesedaran kepada orang ramai mengenai langkah-langkah keselamatan semasa melakukan sebarang aktiviti melibatkan sukan air termasuk SUP.

"Dan dengan pengalaman lebih dua tahun melibatkan diri dalam sukan ini, kami telah mempunyai banyak pengetahuan mengenai keadaan air laut termasuk langkah keselamatan, arah angin dan keadaan cuaca, kemahiran mendayung serta lain-lain lagi," ujarnya yang lebih dikenali sebagai KL Tan ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini.


KL Tan.

Tambah beliau, bagi mereka yang berminat untuk menyertai SUP tetapi tidak mempunyai papan luncur atau kelengkapan berkaitan boleh juga menyewa daripada pihaknya dengan bayaran RM140.

"Selain pakaian dan kasut, semua peralatan berkaitan sukan ini juga disediakan. Pada masa sama, kami juga akan memberikan bimbingan kepada para peserta mengenai kemahiran untuk mengendalikan SUP.

"Walaupun agak selamat, tetapi orang ramai tidak digalakkan melakukan sukan ini secara sendirian sebaliknya disarankan untuk diadakan secara berkumpulan bagi mengelakkan berlakunya perkara tidak diingini.

"Namun, sekiranya seseorang tetap mahu mendayung sendirian, mereka perlu memerhatikan keadaan cuaca, arah angin, air pasang dan surut serta pastikan tidak ada obor-obor," katanya.

Mengulas lanjut, Kuan Ling berharap agar SUP dapat menjadi satu platform untuk menarik kehadiran pelancong ke negeri ini bagi menerokai aktiviti baru di samping menikmati makanan jalanan dan warisan budaya yang sememangnya sinonim dengan negeri Pulau Pinang.

"Kegiatan mempromosi sukan ini akan menjadi titik permulaan baru bagi sektor pelancongan negeri yang mana sekiranya pelancong mahu bermain sukan ini, mereka akan datang ke Pulau Pinang.

"Oleh itu, pihak kami kini sedang mengenal pasti kawasan yang sesuai di negeri ini untuk dijadikan lokasi tetap bagi acara sukan SUP bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai masyarakat.

"Selain itu, kami juga akan menganjurkan lebih banyak aktiviti atau bengkel berkaitan sukan ini pada masa depan termasuk pertandingan peringkat kebangsaan, penubuhan Klinik SUP serta kejuaraan mini," ujarnya.

Dalam pada itu, pengasas SUPONMAN Malaysia yang juga ketua jurulatih SUP, Amirizal Ishak berharap agar sukan SUP dapat dipromosikan ke peringkat lebih tinggi supaya aktiviti berkaitan dapat dikembangkan.

"Kita harap sukan ini dapat dipromosi sehingga kita boleh mengadakan pertandingan bagi menggalakkan lebih ramai golongan muda untuk menyertai SUP kerana ia agak ketinggalan di negara kita berbanding negara jiran seperti Thailand dan Singapura.

"Selain itu, harapan lebih tinggi agar sukan ini akan dimasukkan dalam Sukan Olimpik pada masa akan datang," ulasnya.

Dalam pada itu, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin ketika ditemui selepas mencuba sukan tersebut memberitahu bahawa SUP mempunyai potensi untuk dikembangkan sebagai salah satu sukan air popular di negeri ini pada masa akan datang.

"Memandangkan negeri Pulau Pinang dikelilingi oleh lautan, banyak aktiviti sukan air dapat dijalankan termasuklah SUP.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) melihat potensi SUP sebagai produk untuk menarik pelancong khususnya mereka yang menggemari aktiviti sukan kerana tidak semua negeri sesuai untuk mengembangkan sukan ini," jelasnya.

Tambah Soon Hin, walaupun masih di peringkat awal, namun beliau yakin bahawa sekiranya sukan tersebut dipromosi secara berterusan ia akan berkembang menjadi produk pelancongan baru di negeri ini.

"Oleh itu, kita berharap agar dapat menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan untuk mempromosikan lagi sukan ini sehingga ia menjadi sebagagian daripada identiti Pulau Pinang," ujarnya.

Mereka yang berminat boleh menghubungi KL Tan di talian: 012 - 4777506 atau kunjungi laman *Facebook: https://www.facebook.com/ supon.sports* atau laman sesawang *https://www.suponsports.com/* untuk mendapatkan maklumat lanjut.


AMIRIZAL Ishak (kanan sekali) menunjukkan cara pengendalian papan luncur SUP.



PENULIS turut mengambil peluang mencuba sukan SUP.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **PEGAWAI PENYELARAS KADUN** | **No Tel/ No Faks** |
| **N.01 PENAGA**<br>Aida Haji Yusof<br>aidayusofrawa@gmail.com | (T) 019 - 338 2668 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Rosli Hasan | (T) 010 - 468 5990 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan



## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Harryzan Yaakub | 019 - 456 8484 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Bee Hong | 019 - 458 8321 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamoorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | U. Jagatisan | Seberang Perai Selatan | | 010 - 563 2279 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 013 - 431 9384 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Kim Noor | 04 - 229 8382 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:
**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12093
Peminjam : JAMUNAH A/P VELU - 96121307**** NO.8 TAMAN BUAH PALA, LORONG KAKI BUKIT 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : VELU A/P MUTHU - 62050207**** NO.8 TAMAN BUAH PALA, LORONG KAKI BUKIT, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PRASEENNAAH A/P VELU - 92100307**** NO.8 TAMAN BUAH PALA, LORONG KAKI BUKIT, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 12095
Peminjam : RAFIDAH AMIN BINTI ABD RAHMAN - 77041307**** NO.10 LORONG MAJU 4, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAUDI BIN AZIZAN - 74021607**** NO.10 LORONG MAJU 4, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ROSSAINI BIN MOHAMAD NASIR - 83021507**** NO.1386 POKOK TAMPANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 12099
Peminjam : NOOR SHAZWANI BINTI S T SINDHA MADAR - 91021007**** 88-08-15 TAMAN SRI INDAH, SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : BEEVI FATIMAH A/P S.T.SINDHA MADAR - 71010107**** 88-08-15 TMN SRI INDAH, SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG, PERAK ROAD 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RETNASREEDEWI A/P MUNIANDY - 72020107**** 75-01-10 SRI WANGSA, JALAN PENAWAR 1, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 12101
Peminjam : AHMAD ARIFFUDIN BIN ABD RASHID - 85051607**** BLOK C-9-45 PANGSAPURI PPR AMPANG JAJAR, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : ROSLINA BINTI AHMED - 64010707**** BLOK C-9-45 PANGSAPURI PPR, AMPANG JAJAR, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : SITI ZAIMAH BINTI ABD RASHID - 87070735**** BLOK C-9-45 PANGSAPURI PPR, AMPANG JAJAR, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 12108
Peminjam : NUR AMIRA NATASHA BINTI HASNIZAL - 96111407**** 426 PINTASAN MAYANG 3, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : HASNIZAL BIN HASHIM - 74050507**** NO.426 PINTASAN MAYANG 3, BAYAN BARU,BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2 : HASRINIZAM BIN HASHIM - 75091713**** NO.12 LORONG SEMBILANG, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 12122
Peminjam : SINAR LAILA MASTURA BT MOHD SHIBI - 86020835**** NO. B78 PANGSAPURI VILLAMAS, JALAN MUHIBBAH/KU 3, KG-SG PINANG 42100 KELANG, SELANGOR
Penjamin 1 : CHE SAEDAH BINTI SAID - 62112208**** SB 583 PBA A, MUKIM 6, KAMPUNG BELAH DUA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL BIN ABDUL KARIM - 86042226**** BLOK D1-11-07 JALAN PERAI JAYA 3, BANDAR PERAI JAYA 13600 PERAI

No Akaun : 12129
Peminjam : GAUSALIA A/P SUBRAMANIAM - 90011007**** NO.11 LINTANG TALANG 6, PERAI GARDEN 13600 PERAI
Penjamin 1 : RAMESH A/L KANDAN - 77082401**** 94-E MUKIM 12, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KUMARAN A/L VISVANATHAN - 92033007**** NO.22 TINGKAT KIKIK 3, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 12133
Peminjam : AIDI ZULKARNAIN BIN HJ MD NOR - 68092507**** NO.22A SETIA VISTA, TINGKAT RELAU 6, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROFIQOH BINTI SHAARI - 72081802**** NO. 22A SETIA VISTA, TINGKAT RELAU 6, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROHAYA BINTI SHAARI - 61062203**** NO.1948 MUKIM 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12135
Peminjam : ONG GHEE CHYUAN - 89020207**** NO.9 LORONG ROZHAN 1, TAMAN ROZHAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LOO AI DEN - 61041407**** NO.9 LORONG ROZHAN 1, TAMAN ROZHAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ONG MEI ZHEN - 86051935**** NO. 10 LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 26, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12136
Peminjam : AISHAH BINTI SHARIFF - 70073007**** NO. 202 JALAN MERBAU 2/1, TAMAN MERBAU, TIKAM BATU 08600 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : SHAHRUL ANUAR BIN HASHIN - 64071607**** NO.202 JALAN MERBAU 2/1, TAMAN MERBAU, TIKAM BATU 08600 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN SHARIFF - 71091107**** NO.1 LORONG BENTARA 28, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12141
Peminjam : ROSIDA BINTI MOHD NOOR - 88071235**** 2289 KAMPUNG CHANGKAT 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : NORAZLINA BINTI MOHD NOOR - 81051307**** MB-2-10 APARTMENT DELIMA INTAN, TAMAN SERI DELIMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : RUSLEE BIN OSMAN - 79052707**** MA- 5-11 APARTMNT DELIMA INTAN, TAMAN SERI DELIMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12154
Peminjam : MUHAMMAD SYUWARI BIN MANSOR - 96101607**** 7142(C), JALAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : JOHARI BIN SAMSUDIN - 79100607**** NO.9793 JALAN PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : AZHAR BIN MOHAMED - 71033101**** NO.7 LORONG DAHLIA 2, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12161
Peminjam : VIVEINDIRAN THEVAR A/L MANOHARAN - 93032807**** NO.10 MEDAN RIANG, TAMAN RIANG 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MANOHARAN A/L NAGAPAN - 62021707**** NO.10 MEDAN RIANG, TAMAN RIANG 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MAGANTHIRAN A/L NAGAPAN - 66120407**** NO.27 JALAN BUNGA TANJUNG 1, OFF JALAN RAJA UDA 12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 12165
Peminjam : GOH SU YONG - 92100807**** BLOCK 5-1-15, DESA GREEN 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHEAH GIM LAY - 67022107**** BLOK 5-1-15 DESA GREEN 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH KAR WEI - 89081907**** BLOK 5-1-15 DESA GREEN 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG


TAMAN LEMBAH PERMAI
BUKIT MERTAJAM

PANGSAPURI KOS SEDERHANA
9 TINGKAT DENGAN REKABENTUK MODEN






PANGSAPURI KOS SEDERHANA
No. Tingkat : Tingkat 7 & 8
Keluasan Binaan : 1000 KPS
Harga Minima : RM250,000.00
Harga Maksima : RM250,000.00

Baki Unit Yang Belum Di Jual 10 UNIT




HAK MILIK KEKAL

LOKASI STRATEGIK

- Taman Lembah Permai terletak di Jalan Song Ban Kheng, Bukit Mertajam yang mempunyai rangkaian lebuhraya yang lengkap.
- 4km ke Juru Toll & Auto City, di samping itu, Jambatan Pulau Pinang dan kawasan perindustrian dalam jarak pemanduan yang dekat.
- Dikelilingi dengan kemudahan-kemudahan awam seperti kedai-kedai, Pasaraya Bilion, SJKC Beng Teik, stesen minyak, klinik, masjid dan lain-lain.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

- No. lesen pemaju: 10106-4/09-2021/03047 [L] • Tempoh sah: 01/10/2020-30/09/2021
- No. permit iklan & jualan: 10106-4/09-2021/03047 [P] • Tempoh sah: 01/10/2020-30/09/2021
- Jenis perumahan: Pangsapuri Kos Sederhana 9 Tingkat
- Pihak berkuasa yang meluluskan: Majlis Perbandaran Seberang Perai
- No.pelan bangunan: MPSP/40/20-25 & MPSP/40/20-26 • Bebanan tanah: TIADA
- Sekatan kepentingan: TIADA • Hakmilik tanah: Hakmilik Kekal • Tarikh dijangka siap: 31/10/2021

DISKAUN 5%
UNTUK BUMIPUTERA

(682041-H)
WELCOME DEVELOPMENT SDN. BHD.
Lot 10131, Jalan Lembah Permai 4, Taman Lembah Permai
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Tel : 04-506 2813 Fax: 04-506 2183
012-514 5140 (Ms Nicole) | 012-488 0016 (Ms Lai)

# MBPP tanam 34,928 pokok sejak 2018




AR. Yew Tung Seang (barisan hadapan, tengah) bersama-sama jemputan serta wakil-wakil berkaitan menunjukkan plakad 100 juta pokok pada program penanaman 2,020 pokok bakau di sini baru-baru ini.



SALAH seorang kakitangan Jabatan Landskap MBPP menjayakan usaha penanaman pokok yang dianjurkan.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**TELUK BAHANG –** Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan Kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang menanam 2,020 pokok bakau bagi mencapai sasaran 100,000 pokok ditanam menjelang tahun 2023.

Penanaman tersebut merupakan simbolik berakhirnya tahun 2020.

Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang memaklumkan bahawa sejak 2018 hingga kini, MBPP telah menanam 34,928 batang pokok di seluruh kawasan pulau.

"Kini, kita (MBPP) bergerak ke hadapan dengan penanaman 2,020 batang pokok bakau di hutan simpanan kekal (paya bakau) Sungai Pinang, Balik Pulau.

"Hutan paya bakau ini adalah sangat penting untuk berfungsi sebagai zon penampan, selain itu, paya bakau juga melindungi pelbagai spesies hidupan fauna yang memiliki habitat di sini," ujarnya pada majlis berkaitan dekat Taman Nelayan, Sungai Pinang di sini 17 Disember 2020.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali dan Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Tengku Mohd. Ridzuan Tengku Ibrahim.

Mohd. Ridzuan dalam pada itu memberitahu bahawa spesies pokok bakau yang ditanam pada hari berkaitan adalah jenis bakau minyak.

Difahamkan, hutan simpanan kekal paya bakau di Balik Pulau adalah berkeluasan 666 hektar dan diwartakan sepenuhnya.

# Projek pertanian bandar diharap berjaya




ABDUL Halim Hussain (dua dari kiri) dan wakil-wakil berkaitan menyampaikan sumbangan kepada para penerima berkaitan bersempena penganjuran bersama kempen pertanian bandar pada peringkat komuniti setempat di sini baru-baru ini.

**BATU MAUNG –** Demi menjayakan projek pertanian bandar, Pusat Pertanian Relau telah mengedarkan 1,000 kampit tanah hitam organik kepada 10 kelompok sasar sekitar Daerah Barat Daya (DBD).

Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain memberitahu bahawa kelompok penerima adalah termasuk persatuan penduduk, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), jawatankuasa surau dan individu-individu yang berminat dalam aktiviti pertanian bandar.

"Jadi, inisiatif ini adalah selaras dengan Visi Penang2030: Negeri Pintar Dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Saya berharap penerima yang ada tanah lapang, dapat mula bercucuk tanam sayur-sayuran atau pokok herba untuk keperluan komuniti sendiri, manakala lebihan hasil dapat dijual untuk menjana pendapatan tambahan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung pada majlis berkaitan di sini pada 12 Disember 2020.

Dalam pada itu, Abdul Halim turut merakamkan penghargaan atas penganjuran bersama kempen pertanian bandar pada peringkat komuniti setempat, antara Pejabat Pertanian Relau dan Pusat Khidmat ADUN Batu Maung.

Serentak itu, Abdul Halim turut menyampaikan alat pengimbas suhu badan automatik kepada tujuh penganjur pasar malam setempat.

Sebelum itu, Penolong Pegawai Pertanian, Ahmad Razali Ahmad @ Abdul Razak turut menyampaikan taklimat ringkas mengenai peri penting pertanian bandar.



# Kawalan anjing terbiar, MBSP meterai MoU

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




**SR. Rozali Mohamud (kiri) menunjukkan MoU yang ditandatangani bersama ISPCA pada majlis sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menyasarkan sebanyak 5,000 ekor anjing dan kucing terbiar dapat dimandulkan dalam tempoh dua tahun bermula 1 Januari 2021.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa bagi mencapai sasaran tersebut pihaknya telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dengan *Ipoh Society for the Prevention of Cruelty to Animals* (ISPCA).

"MBSP telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengurangkan populasi anjing terbiar di kawasan awam, antaranya merangka pelaksanaan *Program Trap, Neuter & Release-Management* (TNR-M).

"Sehubungan itu, MBSP memilih ISPCA sebagai rakan strategik bagi pelaksanaan program ini yang akan diadakan selama dua tahun bermula 1 Januari 2021 hingga 1 Januari 2023.

"Program ini dijangka akan dilaksanakan secara bulanan dengan sasaran sebanyak 5,000 ekor anjing termasuk kucing berjaya dimandulkan bagi tempoh masa tersebut," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis dekat Menara Bandaraya MBSP di sini 21 Disember 2020.

Hadir sama, barisan Ahli Majlis dan Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Tambah Rozali, selain pemandulan, kerjasama dengan ISPCA turut melibatkan program pendidikan dengan edaran risalah dan taklimat di samping menerangkan konsep projek berkenaan kepada orang awam.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) akan menjadi lokasi pertama bagi pelaksanaan projek berkenaan memandangkan aduan yang diterima berkaitan anjing terbiar adalah amat tinggi di daerah berkenaan.

"Aduan berkaitan anjing terbiar yang diterima MBSP sehingga November 2020 di daerah SPT adalah 548 diikuti Seberang Perai Utara, SPU (389) dan Seberang Perai Selatan, SPS (343)," ujarnya.

Difahamkan, sebanyak 30,000 ekor anjing liar telah dikesan di kawasan Seberang Perai setakat ini, dan sebanyak 200 ekor anjing telah dimandulkan dalam tempoh satu tahun.

## Tambah baik garis panduan pasang papan iklan perniagaan

**SEBERANG PERAI –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menambah baik garis panduan pemasangan papan iklan perniagaan di kawasan Seberang Perai dengan mengambil kira kesesuaian semasa.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa beberapa penekanan ditetapkan dalam garis panduan baru tersebut seperti jenis, saiz, lokasi pemasangan, kandungan dan visual, penggunaan bahasa, pencahayaan serta lain-lain.

"Pemakaian garis panduan ini adalah berkuat kuasa serta-merta bagi permohonan lesen perniagaan baru yang diterima MBSP.

"Bagi lesen perniagaan sedia ada, MBSP memberikan tempoh dua tahun untuk pemegang lesen membuat persediaan dan menukar papan iklan mengikut garis panduan ini.

"Oleh itu, mulai Januari 2023, semua papan iklan perniagaan hendaklah mematuhi aspek dan spesifikasi yang ditetapkan menerusi garis panduan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis dekat Menara Bandaraya MBSP di sini 21 Disember 2021.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBSP serta Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod.

Tambah Rozali, reka bentuk serta pemasangan papan iklan perniagaan pada masa kini adalah tidak memenuhi dasar di peringkat negeri dan undang-undang sedia ada selain kaedah pemasangan berisiko kepada keselamatan awam.

"Justeru, kita (MBSP) berharap agar semua peniaga dapat mengambil maklum berhubung pemakaian garis panduan ini dan menyediakan perancangan supaya papan iklan yang tidak mematuhi garis panduan dapat ditukar sebelum Januari 2023.

"Sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut boleh hubungi Jabatan Perlesesanan MBSP atau e-melkan ke pelesenan@mbsp.gov.my," ujarnya.

## Perkenal garis panduan perniagaan dalam talian di rumah

**SEBERANG JAYA –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) buat julung kalinya memperkenalkan garis panduan khusus kepada peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan secara dalam talian *(online)* dari premis kediaman masing-masing.

Datuk Bandarnya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa penyediaan garis panduan tersebut adalah bertujuan memudahkan peniaga yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 untuk mendapatkan permit perniagaan.

"Hasil maklumat diperoleh daripada pandangan awam kepada Ahli-ahli Majlis dan pihak MBSP, kebanyakan peniaga *online* tidak boleh membuka akaun bank untuk perniagaan mereka kerana tidak mempunyai permit sah daripada MBSP.

"Justeru, dengan adanya permit ini, ia akan membantu peniaga *online* untuk membuka akaun perniagaan masing-masing di bank berbanding ketika ini yang mana kebanyakan daripada mereka hanya membuka akaun atas nama masing-masing.

"Melalui kaedah ini, peniaga boleh meluaskan skop perniagaan mereka sekaligus dapat meningkatkan lagi tahap ekonomi masing-masing," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis dekat Menara Bandaraya MBSP di sini pada 21 Disember 2020.

Hadir sama, barisan Ahli Majlis dan Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Tambah Rozali, garis panduan tersebut menggariskan 15 perkara merangkumi aspek-aspek penting yang perlu diambil kira oleh peniaga *online* untuk mendapatkan permit perniagaan sah daripada MBSP mulai 1 Januari 2021.

"Bagaimanapun, setiap perniaga perlu memenuhi syarat ditetapkan iaitu berumur 18 tahun ke atas, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan jenis pendaftaran mempunyai perkataan 'secara dalam talian' atau *'online'*.

"Selain itu, perniagaan yang dijalankan hanya secara dalam talian yang mana peniaga tidak boleh menjual atau mempamerkan barangan jualan secara terbuka di rumah masing-masing.

"Sekiranya mereka menjual atau mempamerkan barangan jualan seperti kedai-kedai biasa, kita akan arahkan lesen mereka dibatalkan," tegasnya.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa pihaknya akan mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) pemantauan untuk meneliti syarikat-syarikat yang belum berdaftar.

"Pada peringkat permulaan, kita (MBSP) menyeru agar peniaga untuk berdaftar agar orang awam lebih yakin terhadap perniagaan mereka selain menjamin keselamatan kepada pembeli.

"Oleh itu, saya memohon kepada peniaga untuk manfaatkan peluang ini untuk meningkatkan lagi perniagaan masing-masing," ulasnya.

Garis panduan berkaitan boleh didapati di laman sesawang *www.mbsp.gov.my*.




**Bakat Si Cilik - Mewarna 3/2020**




# HeroKu Frontliners



Sila isi butiran berikut:

Nama : ....................................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ....................................................

Alamat: ....................................................

....................................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ....................................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ....................................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Disember 2020** hingga **31 Mac 2021.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM300**
**Kedua: RM200**
**Ketiga: RM150**
**5 Hadiah Saguhati**